



Permohonan lesen mendulang emas dibuka bermula 1 Januari

Pelaburan pendidikan bentuk generasi berwibawa masa hadapan
– Dato' Mohd Amar

Pembangunan insan asas pembinaan negara dan tamadun
– Habib Ali Zainal Abidin

Kebajikan masyarakat India Kuala Krai terus diberi perhatian

2026: Kelantan dipacu ke arah Hayatan Toyyibah – MB Kelantan

Oleh: Norzana Razaly

KOTA DARULNAIM, 1 Januari – Kerajaan Negeri Kelantan menetapkan tema “Memacu Kelantan ke Arah Hayatan Toyyibah” sebagai teras hala tuju Tahun Baharu 2026, selari dengan tuntutan penghayatan Islam yang menyeluruh dalam kehidupan bermasyarakat dan bernegara.

Menteri Besar Kelantan YAB Dato' Panglima Perang Ustaz Dato' Mohd Nassuruddin Daud menyeru seluruh rakyat negeri ini agar merenungi firman Allah SWT dalam Surah al-Nahl ayat 97 yang menjadi asas dan roh kepada tema tersebut.

Firman Allah SWT:

مَنْ عَمِلْ صَالِحًا مِّنْ ذَكَرٍ أَوْ أَنذَرَ وَهُوَ مُؤْمِنٌ فَلَنُحْيِيَنَّهٗ حَيَاةً طَيِّبَةً وَلَنَجْزِيَنَّهُمْ أَجْرَهُمْ بِأَحْسَنِ مَا كَانُوا يَعْمَلُونَ ﴿٩٧﴾

Maksudnya: “Sesiapa yang beramal soleh, daripada lelaki atau perempuan, sedang ia beriman, maka sesungguhnya Kami akan menghidupkan dia dengan kehidupan yang baik; dan sesungguhnya Kami akan membalas mereka dengan memberikan pahala yang lebih daripada apa yang mereka telah kerjakan.”

Menurutnya, Tahun Baharu 2026 wajar dijadikan titik tolak untuk memperkukuh iltizam dan tekad bersama dalam membangunkan Kelantan berteraskan penghayatan Islam yang seimbang antara tuntutan duniawi dan ukhrawi.

Dalam kenyataan sempena Tahun Baharu 2026, beliau menegaskan bahawa pembukaan lembaran baharu ini perlu disambut dengan penuh kesyukuran sebagai manifestasi keazaman memperkemas perancangan pentadbiran dan pembangunan negeri agar kekal selari dengan hala tuju yang telah digariskan.

“Membuka lembaran baharu 2026 pada hari ini dengan penuh kesyukuran merupakan manifestasi



keazaman untuk memperkukuh iltizam dan tekad demi membangunkan serta memajukan negeri Kelantan yang kita cintai. Langkah yang diatur perlu melalui proses koreksi secara menyeluruh khususnya dalam aspek perancangan pentadbiran dan pembangunan negeri bagi mencapai hala tuju yang telah digariskan,” katanya menerusi kenyataan rasmi, hari ini.

Beliau turut mengingatkan bahawa Pentadbiran Penghayatan Membangun Bersama Islam (PMBI) bagi tahun 2026 perlu dipacu dengan pendekatan yang lebih agresif dan berstrategi, berpandukan Hala Tuju Portfolio Kerajaan Negeri Kelantan 2024–2028.

“Pentadbiran Penghayatan Membangun Bersama Islam (PMBI) bagi tahun 2026 perlu dipacu dengan lebih agresif dan berstrategi, berpandukan Hala Tuju Portfolio Kerajaan Negeri Kelantan 2024–2028. Dalam hal ini, konteks pelaksanaan serta penyelarasannya perlu diperkemas agar inisiatif kerajaan benar-benar memberi manfaat dan kesejahteraan kepada rakyat di peringkat akar umbi,” ujarnya.

Menurutnya lagi, agenda pengukuhan PMBI hendaklah digarap

secara menyeluruh merangkumi pembangunan infrastruktur, sosial, pendidikan dan ekonomi, di samping memastikan dasar pentadbiran kerajaan negeri dilaksanakan secara berkesan dan berintegriti.

“Di samping itu, agenda pengukuhan PMBI sama ada dalam aspek pembangunan infrastruktur, sosial, pendidikan mahu pun ekonomi hendaklah digarap secara bersama dengan memastikan dasar pentadbiran kerajaan negeri dilaksanakan sebaik-baiknya bagi menjamin kesejahteraan rakyat dan masa depan negeri,” katanya.

Menyentuh cabaran semasa, Menteri Besar menegaskan keperluan kembali kepada penyelesaian Islam secara menyeluruh dalam mendepani realiti kehidupan moden, khususnya dalam era kepantasan teknologi dan perubahan sosial yang pantas.

“Menyedari cabaran kehidupan lebih-lebih di zaman kepantasan teknologi, saranan agar kembali kepada penyelesaian Islam secara menyeluruh merupakan formula yang berkesan dan sentiasa segar pada setiap peredaran zaman, dan hendaklah disesuaikan dalam setiap agenda bertindak,” jelasnya.

Mengulas lanjut, beliau me-

“

Mudah-mudahan tahun 2026 membawa nafas yang semakin segar bagi merealisasikan ‘hayatan toyyibah’ atau kehidupan yang baik sama ada kehidupan di dunia mahu pun di akhirat. Marilah kita bersama-sama berdoa agar negeri Serambi Mekah ini terus dikurniakan keberkatan, keamanan dan kemakmuran,”

negaskan bahawa komitmen berterusan kerajaan negeri untuk mengemudi pentadbiran berlandaskan dasar Membangun Bersama Islam yang telah terbukti keberkesanannya sejak sekian lama.

“Justeru, Kelantan terus komited serta optimis dengan dasar Membangun Bersama Islam dalam mengemudi bahtera pentadbiran kerajaan negeri yang telah terbukti keberkesanannya. Marilah kita rapatkan saf untuk mengukuhkan kesatuan ummah dan setiap rakyat perlu memainkan peranan masing-masing berkhidmat untuk agama, bangsa dan tanah air,” katanya.

Dalam pada itu, beliau berharap Tahun 2026 akan membawa nafas baharu yang lebih segar dalam merealisasikan konsep hayatan toyyibah atau kehidupan yang baik, seimbang dan diberkati.

“Mudah-mudahan tahun 2026 membawa nafas yang semakin segar bagi merealisasikan ‘hayatan toyyibah’ atau kehidupan yang baik sama ada kehidupan di dunia mahu pun di akhirat. Marilah kita bersama-sama berdoa agar negeri Serambi Mekah ini terus dikurniakan keberkatan, keamanan dan kemakmuran,” ujarnya.

Permohonan lesen mendulang emas dibuka bermula 1 Januari

Oleh: Asri Hamat

KOTA DARULNAIM, 31 Disember – Rakyat Kelantan yang berminat untuk terlibat secara sah dalam aktiviti mendulang emas boleh mula mengemukakan permohonan lesen bermula esok, 1 Januari 2026.

Timbalan Menteri Besar Kelantan YB Dato' Dr Mohamed Fadzli Hassan berkata, setiap permohonan akan diproses oleh kerajaan negeri mengikut syarat dan kelayakan yang ditetapkan.

Jelasnya, pembukaan permohonan itu susulan penetapan beberapa kawasan berpotensi yang dikenal pasti mempunyai mineral emas dan akan digazetkan dalam masa terdekat.

Mengulas lanjut, beliau memaklumkan bahawa kawasan yang dicadangkan untuk digazetkan akan dibincangkan di peringkat Mesyuarat Exco sebelum dibentangkan bagi kelulusan Mesyuarat Majlis Mesyuarat Kerajaan (MMK).

"Kawasan yang dikenal pasti melibatkan beberapa daerah termasuk Jeli, Gua Musang, Tanah



Merah dan Kuala Krai. Proses penggazetan memerlukan kelulusan MMK sebelum aktiviti mendulang boleh dijalankan secara sah," katanya.

Beliau berkata demikian kepada media selepas Mesyuarat Exco di Mabna, Kompleks Kota Darulnaim, di sini, hari ini.

Dato' Dr Mohamed Fadzli turut menjelaskan bahawa rakyat Kelantan yang berminat boleh mengemukakan permohonan lesen mendulang bermula esok dan semua permohonan akan dinilai serta diproses oleh kerajaan negeri.

Namun begitu, katanya, tidak semua permohonan akan dilulus-

kan kerana kerajaan negeri akan meneliti setiap permohonan berdasarkan syarat kelayakan yang telah ditetapkan.

"Kita akan proses setiap permohonan secara berperingkat. Kelulusan tidak bersifat automatik kerana pemohon perlu memenuhi kriteria tertentu," ujarnya.

Beliau juga memaklumkan bahawa borang permohonan lesen mendulang boleh diperoleh secara manual di Pejabat Tanah dan Galian Negeri Kelantan (PTG).

Dalam pada itu, beliau menegaskan bahawa pihak pembeli emas juga diwajibkan berurusan dengan PTG bagi mendapatkan kelulusan rasmi untuk membeli emas

daripada pendulang yang berlesen, sebagai langkah kawal selia dan pematuhan undang-undang.

Mengulas sambutan orang ramai, beliau berkata kerajaan negeri menerima maklum balas positif serta minat yang tinggi terhadap inisiatif tersebut, khususnya melalui media sosial, namun jumlah sebenar pemohon masih belum dapat dipastikan.

"Tempoh memproses permohonan bergantung kepada jumlah permohonan yang diterima serta sebarang isu atau perkara yang memerlukan penelitian lanjut. Jika permohonan banyak, proses ini mungkin mengambil sedikit masa," katanya.



TEKAD 2026: Perbanyak amal kebajikan, PMBI diperkukuh secara berstrategik



Pelaburan pendidikan bentuk generasi berwibawa masa hadapan – Dato' Mohd Amar

Oleh: Syamimi Manah

KOTA DARULNAIM, 31 Disember – “Kerajaan negeri terus menegaskan komitmen menjadikan pendidikan sebagai pelaburan utama bagi melahirkan generasi berwibawa dan berdaya saing pada masa hadapan.”

Ahli Dewan Negeri (ADN) Panchor. YB Dato' Sri Amar Diraja Mohd Amar Abdullah berkata demikian ketika berucap pada Majlis Penyampaian Sumbangan Pelajar ke Institusi Pengajian Tinggi Awam (IPTA) dan Institusi Pengajian Tinggi Swasta (IPTS) peringkat Dewan Undangan Negeri (DUN) Panchor.

Sebanyak 366 siswa-siswi menerima sumbangan wang tunai tersebut di Dewan Tok Ayah Kedah Komtar Panchor, Pengkalan Chepa,



semalam.

Menurutnya, sumbangan yang disalurkan bukan sekadar bertujuan meringankan beban kewangan para pelajar dan keluarga, malah menjadi pemangkin semangat kepada para mahasiswa agar terus beriltizam, berdaya saing serta konsisten dalam menuntut ilmu.

“Sumbangan ini diharapkan dapat menyemai keyakinan diri, membentuk jati diri unggul serta

melahirkan generasi berpendidikan tinggi yang berwibawa dan bersejua menyumbang secara signifikan kepada pembangunan masyarakat, negeri dan negara,” katanya.

Tambahnya, kerajaan negeri sentiasa meletakkan pendidikan sebagai agenda utama pembangunan kerana ia merupakan pelaburan jangka panjang yang memberi manfaat besar kepada kesejahteraan rakyat serta masa depan negeri.

Dato' Mohd Amar turut memaklumkan bahawa inisiatif sumbangan pendidikan kepada mahasiswa di DUN Panchor telah dilaksanakan secara konsisten selama 10 tahun.

“Kerajaan negeri komited untuk meneruskan lagi inisiatif ini pada tahun-tahun akan datang kerana pendidikan adalah asas pembentukan modal insan berkualiti dan pemacu utama pembangunan negeri,” jelasnya.



Menata azam Tahun Baharu 2026, perubahan bermula dari diri – Pengarah UPKN

Oleh: Norzana Razaly

KOTA DARUL NAIM, 1 Januari - Pengarah Urus Setia Penerangan dan Komunikasi Negeri Kelantan (UPKN) Razuan Awang Hamad menyeru seluruh warga UPKN agar menata azam Tahun Baharu 2026 dengan menjadikan peringatan Allah SWT dalam Surah ar-Ra'd ayat 11 sebagai pedoman utama, bahawa perubahan hakiki bermula daripada diri sendiri.

Menurutnya, kehadiran tahun baharu bukan sekadar pertukaran angka pada kalendar, sebaliknya ruang bermakna untuk muhasabah, memperbaharui niat dan memperkukuh jati diri sebagai penjawat amanah dalam mendukung perjuangan komunikasi berteras nilai Islam.

“Alhamdulillah atas rezeki usia dan peluang kita melangkah ke Tahun Baharu 2026. Marilah kita menata azam dengan hati yang jujur dan tekad yang bersih dengan mengingati peringatan Allah SWT dalam Surah ar-Ra'd ayat 11, perubahan hakiki bermula daripada

diri sendiri,” katanya.

Beliau menegaskan bahawa permulaan tahun baharu wajar dimanfaatkan sebagai medan muhasabah yang serius agar setiap langkah dan keputusan yang diambil selari dengan tuntutan Islam.

“Justeru pemula tahun baharu hari ini wajar dijadikan medan muhasabah, memperkemas niat, membina disiplin dan memperteguh nilai akhlak agar setiap langkah yang diatur selari dengan tuntutan iman serta amanah sebagai hamba dan khalifah di muka bumi,” ujaranya.

Dalam masa yang sama, beliau turut merakamkan kesyukuran atas segala nikmat dan pencapaian sepanjang tahun 2025, sambil menyatakan harapan agar tahun 2026 menjadi tahun yang lebih bermakna dari segi penghayatan kerja berpasukan, keberkesanan strategi komunikasi serta kualiti khidmat kepada rakyat.

“Kita syukuri segala nikmat yang dikecapi sepanjang tahun 2025 yang telah dilewati dan berdoa semoga 2026 menjadi tahun



yang lebih lagi penghayatannya dalam memperkukuh kesatuan, memperkemas strategi komunikasi dan memperkasa khidmat kepada masyarakat selari dengan dasar Membangun Bersama Islam,” katanya.

Tambahnya, segala usaha dan perancangan yang digerakkan warga UPKN perlu terus berpaksikan keikhlasan serta semangat kebersamaan agar manfaatnya dapat dirasai secara menyeluruh oleh negeri dan ummah.

700 pelajar DUN Tanjung Mas terima sumbangan baucer peralatan persekolahan 2026

Oleh: Asri Hamat

KOTA BHARU, 29 Disember - Sebanyak 700 pelajar di Dewan Undangan Negeri (DUN) Tanjung Mas menerima sumbangan baucer peralatan persekolahan bagi sesi 2026 daripada Kerajaan Negeri Kelantan membabitkan peruntukan keseluruhan RM70,000.

Majlis penyampaian sumbangan tersebut disempurnakan oleh Ahli Dewan Negeri (ADN) Tanjung Mas YB Dato' Rohani Ibrahim di Dewan Terbuka Maahad Muhammadi Lelaki, di sini, hari ini.

Dato' Rohani yang juga Exco Kerajaan Negeri Kelantan berharap sumbangan berkenaan dapat membantu meringankan beban ibu bapa terutama pada awal musim persekolahan.

"Alhamdulillah, hari ini kita dapat berjumpa dan menyampaikan sedikit sumbangan untuk membeli peralatan persekolahan bagi sesi 2026.

"Sumbangan ini sekurang-kurangnya dapat mengurangkan beban ibu bapa dalam membuat persediaan awal perse-



kolahan anak-anak," katanya ketika berucap merasmikan majlis.

Menurutnya, setiap DUN di Kelantan diperuntukkan sebanyak RM35,000 bagi tujuan bantuan persekolahan dan kaedah pengagihan adalah tertakluk kepada keputusan pihak DUN masing-masing.

"Setiap DUN menerima peruntukan RM35,000. Selebihnya bergantung kepada usaha dan inisiatif wakil rakyat untuk menambah peruntukan. Kaedah pengagihan pula ditentukan oleh pihak DUN," jelasnya.

Beliau turut menasihati penerima agar menggunakan sumbangan yang diterima secara berhemah.

Dalam perkembangan sama, Dato' Rohani memaklumkan bahawa kerajaan negeri menyediakan lebih 30 skim bantuan kebajikan untuk rakyat Kelantan.

"Di bawah portfolio kebajikan, sebanyak RM7.5 juta diperuntukkan untuk diagihkan kepada golongan armalah, anak yatim, orang kurang upaya (OKU), warga emas dan lain-lain penerima yang layak. Semua bantuan ini diagihkan secara adil dan telus," katanya.

Pada masa sama, beliau juga mengingatkan ibu bapa agar tidak mengabaikan tanggungjawab mendidik anak-anak walaupun mereka telah meningkat dewasa.

"Sebagai ibu bapa, jangan ang-



gap tanggungjawab sudah selesai apabila anak sudah besar. Amanah mendidik anak-anak tidak terlepas sampai bila-bila.

"Ambillah Islam sebagai panduan dalam mendidik anak-anak, termasuk memberikan didikan agama asas seperti memahami dosa dan pahala serta mendirikan solat," ujarnya.

Majlis berkenaan turut diserikan dengan sesi pencerahan ilmu yang disampaikan oleh penceramah undangan Ustazah Asmak Husin. Untuk memudahkan penerima menebus baucer yang diterima, mereka boleh menebusnya di kedai yang tertera di baucer sumbangan tersebut.

Khitan tuntutan fitrah, didik disiplin dan kepatuhan syariat - Exco Pendidikan



Oleh: Asri Hamat

TUMPAT, 28 Disember - Khitan merupakan tuntutan fitrah dalam Islam yang bertujuan menjaga kebersihan, kesihatan serta kesempurnaan ibadah, selain berperanan mendidik anak-anak mengenai tanggungjawab, disiplin dan kepatuhan kepada syariat Allah, kata Exco Pendidikan, Pengajian Tinggi, Teknologi Hijau, Digital dan Inovasi, YB Dato' Wan Roslan Wan Hamat.

Katanya, amalan berkhitan bukan sekadar melibatkan aspek fizikal, sebaliknya membawa nilai pendidikan rohani dan pembentukan sahsiah kanak-kanak Muslim sejak usia awal.

"Khitan adalah satu proses penting dalam kehidupan seorang Muslim. Ia mendidik anak-anak supaya memahami tanggungjawab terhadap diri, menjaga kebersihan serta mematuhi tuntutan agama," katanya menerusi hantaran di media sosial



rasminya pada Jumaat.

Terdahulu, beliau merasmikan Program Khitan Perdana DUN Pengkalan Kubor di Wisma Imtiyaz, Pengkalan Kubor, yang melibatkan lebih 150 orang peserta.

Program dimulakan dengan semburan air oleh Jabatan Bomba dan Penyelamat Malaysia (JBPM) Balai Bomba dan Penyelamat Pengkalan Kubor. Ia kemudian diteruskan dengan solat hajat, majlis perasmian serta gimik mengerat pu-

lut semangat dan menyuap kepada peserta khitan sebagai simbol doa, restu dan semangat kebersamaan.

Selain itu, pemeriksaan gigi turut diadakan oleh Klinik Kesihatan Pengkalan Kubor sebagai usaha memastikan aspek kesihatan menyeluruh dalam kalangan peserta yang terlibat.

YB Dato' Wan Roslan turut merakamkan setinggi-tinggi penghargaan dan ucapan terima kasih kepada semua pihak yang terlibat secara langsung atau tidak langsung dalam menjayakan program berkenaan, termasuk jawatankuasa penganjur, petugas perubatan, sukarelawan serta para ibu bapa yang memberikan kepercayaan dan kerjasama.

"Semoga segala usaha murni ini diberkati Allah SWT dan menjadi amal kebajikan yang berpanjangan," katanya.

DVS Kelantan **pelawa penternak** mohon bantuan Kerajaan Negeri 2026



Oleh: Asri Hamat

KOTA BHARU, 30 Disember - Jabatan Perkhidmatan Veterinar Negeri Kelantan (DVS Kelantan) mempelawa penternak dan usahawan ternakan yang layak untuk memohon Bantuan Kerajaan Negeri di bawah jabatan itu bagi Tahun 2026. Tempoh permohonan bermula 1 hingga 31 Januari 2026.

Dalam satu hantaran di laman rasminya hari ini, DVS menyatakan bahawa pelbagai program

bantuan disediakan bagi memperkukuh pembangunan industri penternakan negeri selaras dengan usaha meningkatkan pengeluaran makanan serta pendapatan pengusaha ternakan tempatan.

Katanya, antara program bantuan yang ditawarkan ialah Bantuan Pawah Ternakan melibatkan lembu hibrid, kambing tenusu dan rusa, selain Bantuan Input Pertanian seperti mesin chopper, mesin rumput, tong silaj dan peralatan

berkaitan.

“Turut disediakan ialah bantuan kepada usahawan Industri Asas Tani ternakan (IATn), latihan dan kursus berkaitan ternakan, Bantuan Pembangunan Program NAIMbif serta Bantuan Pembangunan Industri Unggas,” katanya.

Bagi melayakkan permohonan, pemohon mestilah warganegara Malaysia yang menetap di Kelantan, berumur antara 18 hingga 55 tahun, serta berdaftar dengan DVS Kelantan sekurang-kurangnya setahun.

Pemohon juga perlu mempunyai ID Premis yang sah, komited terhadap projek yang dipohon dan bersedia dipantau sepanjang tempoh pelaksanaan.

Selain itu, pemohon tidak dibenarkan menerima bantuan yang sama secara bertindih dalam tempoh tiga tahun.

Dari segi tatacara permohonan, penternak perlu terlebih dahulu

mengisi soal selidik saringan awal melalui pautan Borang Google yang disediakan atau dengan mengimbas kod QR pada poster rasmi.

Namun begitu, borang permohonan rasmi wajib diambil dan dihantar ke Pejabat Perkhidmatan Veterinar Jajahan (PPVJ) mengikut lokasi ladang masing-masing.

DVS Kelantan memaklumkan hanya permohonan yang berjaya akan dihubungi bagi proses seterusnya.

Sebarang pertanyaan atau aduan boleh dikemukakan terus kepada Pejabat Perkhidmatan Veterinar Jajahan yang berkenaan seperti tertera pada poster rasmi.

Orang ramai khususnya penternak di Kelantan diseru agar tidak melepaskan peluang berkenaan bagi memperkukuh serta memajukan industri penternakan Kelantan secara lebih mampan dan berdaya saing.

Pembangunan insan asas **pembinaan negara dan tamadun** - Habib Ali Zainal Abidin

Oleh: Asri Hamat

KOTA BHARU, 1 Januari - Pembangunan sesebuah negara dan tamadun tidak boleh dipisahkan daripada pembangunan insan, kerana nilai dan kualiti manusia menjadi teras kepada segala bentuk kemajuan, kata Pengerusi Yayasan ar-Riayah Habib Ali Zainal Abidin.

Menurutnya, sebelum sesuatu bangsa mengejar kemajuan material, teknologi atau ekonomi, pembangunan insan perlu diberi keutamaan. Hal ini kerana insan merupakan penggerak utama yang menentukan hala tuju sesebuah tamadun.

“Teknologi yang canggih sekalipun, jika berada di tangan insan yang rosak, akan digunakan untuk menipu dan menindas orang lain. Begitu juga ilmu kedoktoran, jika dimiliki oleh insan yang tidak beriman, berkemungkinan digunakan semata-mata untuk keuntungan kebendaan tanpa rasa tanggungjawab terhadap kesihatan dan kesejahteraan



manusia.”

Beliau berkata demikian ketika menyampaikan ceramah khas sempena Majlis Sambutan Ambang Tahun Baharu 2026: Anak Muda Kelantan Berselawat di Dataran Warisan Stadium Sultan Muhammad IV, di sini, malam tadi.

Beliau menegaskan bahawa insan memainkan peranan penting di atas muka bumi sebagai khalifah yang dipilih oleh Allah SWT. Oleh itu, pembangunan insan perlu bermula daripada pembinaan hati, akhlak dan keimanan sebelum membangunkan struktur tamadun

yang besar.

Tambahnya, sejarah telah membuktikan bahawa kejatuhan Andalusia berlaku akibat kerosakan dalaman insan-insan tertentu yang gagal membangunkan hati dan jati diri mereka, sekali gus menjadi punca keruntuhan sebuah tamadun yang gemilang.

“Insan yang mampu membangunkan tamadun adalah insan yang hatinya telah terbangun, memiliki iman, integriti dan tanggungjawab,” jelasnya.

Katanya lagi, langkah untuk membina dan membangunkan in-



san adalah memperkuat tali perhubungan anak muda dengan Allah SWT melalui iman dan ilmu.

“Iman yang bersatu dalam hati dan sanubari tidak boleh dijual beli. Harga diri dan maruah insan tidak boleh dinilai dengan harta, pangkat atau kebendaan,” katanya.

Beliau berharap konsep pembangunan insan ini dapat difahami dan diaplikasikan dalam pembinaan masyarakat dan negara agar kemajuan yang dicapai bukan sahaja bersifat material, bahkan membawa kesejahteraan dan keberkatan kepada seluruh ummah.

Kebajikan masyarakat India Kuala Krai terus diberi perhatian

Oleh: Syamimi Manah

KUALA KRAI, 30 Disember – Isu kebajikan, pendidikan dan pembangunan masyarakat India di Kuala Krai terus diberi perhatian oleh Ahli Parlimen Kuala Krai YB Abdul Latiff Abdul Rahman.

Beliau konsisten membangkitkannya di peringkat parlimen sebagai sebahagian daripada komitmen menyantuni semua lapisan rakyat tanpa mengira kaum.

Komitmen tersebut diterjemahkan menerusi penganjuran Majlis Pemimpin Bersama Rakyat (Masyarakat India DUN Mengkebang) melibatkan 60 penerima sumbangan yang berlangsung di Taman Bukit Sireh, semalam.

Dalam ucapannya, YB Abdul Latiff merakamkan penghargaan kerana berpeluang bersama masyarakat India di Parlimen Kuala Krai serta mendengar sendiri pandangan dan keperluan mereka.

Beliau memaklumkan bahawa isu kebajikan masyarakat India merupakan antara perkara yang sering dibangkitkan dalam Persidangan Dewan Rakyat memandangkan Kuala Krai mempunyai komuniti masyarakat India yang ramai.

“Di parlimen, antara yang saya bangkitkan adalah kepentingan menjaga kebajikan masyarakat India. Kerana kawasan saya, Kuala Krai ramai orang India” katanya.

Menurutnya, antara isu penting yang diketengahkan ialah kedudukan SJK (T) Ladang Pasir Gajah,



satu-satunya sekolah Tamil di Kelantan yang berdepan cabaran kekurangan murid walaupun mempunyai kemudahan bangunan yang lengkap.

“Saya bangkitkan isu satu-satunya sekolah India di Kelantan iaitu SJK (T) Ladang Pasir Gajah di Kuala Krai yang masalahnya ialah tiada murid.

“Bangunan tiga tingkat tetapi pelajar ada 30 lebih sahaja kerana ramai penduduk di Pasir Gajah sudah berhijrah ke tempat lain.” jelasnya

Sehubungan itu, beliau menegaskan keperluan usaha kerajaan bagi memastikan sekolah berkenaan dapat dimanfaatkan sepenuhnya demi kesinambungan pendidikan masyarakat India di negeri ini.

“Saya bangkitkan usaha kerajaan untuk hidupkan sekolah ini dengan mencadangkan agar diwujudkan asrama supaya pelajar yang jauh boleh belajar di sekolah itu.

“Saya sebutkan supaya sekolah yang dah ada ini dihidupkan balik

dan digunakan sebaik mungkin.” ujarnya.

Dalam aspek pembangunan sosioekonomi pula, Ahli Parlimen Kuala Krai itu turut menyentuh mengenai peruntukan Unit Transformasi Masyarakat India Malaysia (MITRA) yang diumumkan oleh Kerajaan Persekutuan, khususnya berkaitan agihan dan manfaat kepada masyarakat India di Kelantan.

“Semasa pembentangan belanjawan, saya bangkitkan peruntukan MITRA yang turun di Kelantan. Kerajaan persekutuan memberi peruntukan yang besar untuk MITRA. Tapi apa yang rakyat India di Kelantan dapat?

“Masyarakat India paling ramai di Kelantan adalah di Kuala Krai. Saya akan sebut lagi apa usaha untuk membantu ekonomi dan pendidikan masyarakat India di Kuala Krai.”

Sementara itu, Ahli Dewan Negeri (ADN) Mengkebang YB Zubir Abu Bakar memaklumkan bahawa majlis berkenaan diadakan hasil inisiatif penghulu setempat sebagai

“

Keharmonian hari ini adalah hasil yang kita jaga dari dulu berzaman-zaman. Orang India di sini tidak pelat bercakap Kelantan,”

medium memperkukuh hubungan antara pemimpin dan masyarakat India di kawasan tersebut.

Beliau turut menekankan bahawa keharmonian kaum yang wujud di DUN Mengkebang merupakan hasil hubungan erat yang terjalin sejak sekian lama.

“Keharmonian hari ini adalah hasil yang kita jaga dari dulu berzaman-zaman. Orang India di sini tidak pelat bercakap Kelantan.” katanya.

Menurutnya, hubungan akrab itu jelas dizahirkan melalui sikap saling menghormati dalam sambutan perayaan antara kaum.

“Orang India ni, kalau raya Deepavali, dia jemput orang Melayu juga, tempah makanan istimewa untuk meraikan orang Melayu.” katanya.

Dalam pada itu, YB Zubir turut menggesa masyarakat setempat supaya mengambil peluang mendaftar Skim Kifaalah yang memperuntukkan RM1000 untuk waris si mati sebagai langkah kebajikan untuk keluarga.



Kelantan bercadang wujudkan Muzium Pertanian, dijangka beroperasi pada Jun 2026



Oleh: Asri Hamat

KOTA DARULNAIM, 30 Disember - Kerajaan Negeri Kelantan merancang untuk mewujudkan sebuah Muzium Pertanian yang dijangka mula beroperasi pada Jun 2026, sekali gus merealisasikan impian lama untuk memelihara dan memperkenalkan warisan pertanian negeri itu kepada generasi akan datang.

Pengerusi Perbadanan Muzium Negeri Kelantan yang juga Exco Kerajaan Negeri YB Zamakhshari Muhammad berkata muzium berke-

naan akan ditempatkan di bangunan lama Majlis Daerah Tumpat yang dikenal pasti mempunyai potensi besar untuk dimanfaatkan.

Menurutnya, lawatan tapak telah diadakan bersama Pengerah Perbadanan Muzium Negeri Kelantan Norhalis Mohamed Noor pada Isnin bagi meninjau keadaan fizikal bangunan serta kesesuaian ruang yang boleh dibangunkan.

“Dah lama kita mengimpikan penubuhan Muzium Pertanian di Kelantan. Insya Allah, tahun hadapan muzium ini akan dibuka untuk rakyat negeri ini,” katanya meneru-

si media sosial pada Isnin.

Tambahnya, muzium berkenaan akan memaparkan sejarah dan warisan pertanian Kelantan serta sebagai pusat pendidikan dan interaksi kepada masyarakat.

Antara cadangan yang dibincangkan ialah penyediaan ruang petting zoo yang bersesuaian, khususnya bagi memberi pendedahan awal kepada kanak-kanak dan keluarga terhadap dunia pertanian serta ternakan.

“Pertanian merupakan asas kehidupan rakyat Kelantan sejak dahulu. Banyak sejarah, peralatan

tradisional, kaedah dan kisah para petani yang wajar direkod, dipelihara dan diperkenalkan kepada generasi akan datang,” katanya.

Ujar YB Zamakhshari lagi, pelaksanaan projek Muzium Pertanian Kelantan berkenaan akan digerakkan secara berperingkat bagi memastikan ia menjadi sebuah ruang ilmu, warisan dan tarikan baharu yang memberi manfaat kepada masyarakat setempat serta pelancong.

“Muzium ini diharap dapat menjadi simbol penghargaan terhadap sumbangan sektor pertanian dalam pembangunan negeri Kelantan,” katanya.

Dalam perkembangan berkaitan, YB Zamakhshari berhasrat untuk menghidupkan kembali Muzium Wau di Pantai Sri Tujoh Tumpat, dalam usaha untuk memartabatkan seni dan budaya negeri agar apa yang pernah mengisi langit suatu ketika dahulu, terus kekal dalam ingatan dan jati diri anak Kelantan.

180 siswa DUN Chempaka terima sumbangan IPT 2025

Oleh: Syamimi Manah

KOTA BHARU, 29 Disember – Sebanyak 180 siswa Institut Pengajian Tinggi (IPT) dari DUN Chempaka menerima Sumbangan Pengajian Tinggi 2025 dalam satu majlis penyampaian di Kompleks Purnama, Pengkalan Chepa, semalam.

Setiap penerima menerima sumbangan tunai selain jambangan bunga sebagai tanda penghargaan dan sokongan moral kepada para pelajar yang sedang melanjutkan pengajian di IPT.

Ahli Dewan Negeri (ADN) Chempaka YB Nik Bahrum Nik Abdullah berkata, setiap peluang untuk melanjutkan pelajaran perlu direbut tanpa rasa ragu kerana pendidikan merupakan kunci utama pembinaan masa depan.

“Setiap peluang untuk belajar mesti direbut. Kalau ada ruang untuk melangkah ke peringkat lebih tinggi, usahakanlah,” katanya.

Menurutnya, para pelajar tidak seharusnya terlalu lama terhenti



memikirkan kekangan kewangan sehingga mengorbankan impian menyambung pengajian.

“Jangan terlalu lama terhenti memikirkan soal sumber kewangan. Yang paling utama ialah kemahuan untuk belajar. Bila azam itu jelas, insya-Allah jalan rezeki akan dibuka dari arah yang kita sangka dan yang kita tidak sangka,” ujarnya.

Beliau turut memaklumkan

bahawa daripada hampir 180 penerima sumbangan, sebahagian hadir sendiri manakala ramai juga diwakili oleh ibu bapa berikutan sedang mengikuti pengajian di kampus masing-masing.

“Saya bersama hampir 180 penerima Sumbangan Pengajian Tinggi 2025. Ada yang hadir sendiri dan ramai juga diwakili ibu bapa kerana sedang menuntut di kampus,” katanya.

YB Nik Bahrum berharap sumbangan yang disalurkan itu dapat meringankan beban kewangan dan menjadi pencetus semangat kepada para pelajar untuk terus berusaha mencapai kecemerlangan.

“Mudah-mudahan sumbangan ini bukan sekadar bantuan kewangan, tetapi menjadi pemicu semangat untuk terus melangkah, belajar dan membina masa depan yang lebih baik,” tambahnya.

Kelantan sasar 12 juta pelancong pada 2026, perkasakan acara pelancongan dan kebudayaan

Oleh: Asri Hamat

KOTA BHARU, 31 Disember – Kerajaan Negeri Kelantan melalui Pusat Penerangan Pelancongan Negeri Kelantan (TIC) sedang merangka pelbagai acara pelancongan, kesenian dan kebudayaan bagi tahun 2026.

Usaha tersebut meneruskan kesinambungan serta kejayaan kempen ‘Indahnya Kelantan’ untuk menarik kedatangan pelancong ke negeri ini sempena Tahun Melawat Malaysia 2026.

Exco Pelancongan, Kebudayaan, Kesenian dan Warisan YB Datuk Kamarudin Md Nor berkata, Kelantan menyasarkan sebanyak 12 juta pelancong pada tahun 2026 berbanding 10.5 juta pada 2024 dan 11 juta pada 2025.

Menurutnya, data tersebut menunjukkan trend peningkatan kedatangan pelancong ke Kelantan setiap tahun, sekali gus membuktikan keberkesanan pelbagai inisiatif promosi dan program pelancongan yang dilaksanakan kerajaan negeri.

“Kerajaan negeri amat berharap semua program yang dirancang untuk tahun 2026 akan mendapat kerjasama erat daripada semua pihak.



“Saya yakin kita akan menerima sokongan padu daripada pemain industri pelancongan serta penggiat kebudayaan dan kesenian yang menjadi elemen penting dalam produk pelancongan Kelantan,” katanya.

Beliau berkata demikian ketika berucap merasmikan Majlis Perasmian Penutup Kempen Malaysia Year End Sale (MYES), Wilayah Timur, di Perkarangan EON Mall, di sini, malam tadi.

Katanya lagi, Kelantan bukan sahaja terkenal dengan keunikan dan keenakan makanan tradisional, bahkan turut memiliki kepelbagaian budaya yang unik merangkumi pelbagai bidang kesenian dan warisan yang boleh menarik pelancong datang ke Kelantan.



“Matlamat kita adalah untuk memastikan setiap pelancong yang datang ke Kelantan berasa terhibur, tenang dan selamat sepanjang berada di negeri ini,” ujarinya.

Dalam pada itu, Datuk Kamarudin menegaskan faktor keselamatan dan keramahan masyarakat setempat menjadi antara kelebihan utama Kelantan sebagai destinasi pelancongan.

“Kelantan merupakan antara negeri yang mempunyai tahap keselamatan tinggi. Sebagai contoh, kebanyakan kedai emas di Pasar Siti Khadijah tidak memerlukan pengawal keselamatan atau kehadiran polis secara tetap. Masyarakat Kelantan pula terkenal dengan sikap peramah dan mudah membantu,” katanya.

Tambahnya, keramahan penduduk tempatan serta suasana selamat merupakan faktor penting yang mempengaruhi keputusan pelancong untuk berkunjung ke sesuatu destinasi, sekali gus memperkukuhkan kedudukan Kelantan sebagai destinasi pelancongan pilihan di Malaysia.

Hadir sama dalam majlis tersebut ialah Pengarah, Tourism Malaysia Wilayah Timur Mohd Azizul Arif Yahaya, Pengurus AEON Mall Kota Bharu Ahmad Afnan Mohd Yusoff, Pengurus Pusat Penerangan Pelancongan Kelantan Azwan Ab Rahman, Wakil Agensi di bawah MOTAC, wakil NGO Pelancongan Negeri Kelantan dan rakan-rakan strategik MYES Wilayah Timur.

Program Khitan Perdana DUN Ayer Lanas meriah, erat silaturahmi komuniti



Oleh: Asri Hamat

KOTA DARULNAIM, 30 Disember - Program Khitan Perdana Dewan Negeri (DUN) Ayer Lanas berlangsung meriah dalam suasana penuh kemesraan dan kebersamaan, sekali gus mencerminkan keprihatinan kepimpinan setempat terhadap kebajikan masyarakat.

Ahli Dewan Negeri (ADN) Air Lanas merangkap Exco Kerajaan Negeri Kelantan YB Datuk Kamarudin Md Nor berkata, pengajuran program itu bertujuan meringankan beban kewangan ibu bapa dan menjadi platform menyantuni anak-anak mukim serta mengeratkan hubungan silaturahmi dalam komuniti setempat.

“Program seperti ini memberi makna besar kepada masyarakat kerana ia bukan sekadar urusan ibadah, tetapi juga medan kebersamaan antara pemimpin dan rakyat,” katanya menerusi media sosial, pada Isnin.

Beliau turut merakamkan ucapan tahniah dan syabas kepada anak-anak yang menyertai khitan, sambil mendoakan agar mereka membesar sebagai insan soleh, berakhlak mulia serta sentiasa berada dalam lindungan dan rahmat Allah SWT.

Dalam pada itu, Datuk Kamarudin turut merakamkan penghargaan dan terima kasih kepada semua pihak yang terlibat dalam menjayakan program berkenaan, termasuk

petugas perubatan, urus setia serta para sukarelawan yang bertungkus-lumus memastikan kelancaran pengajuran.

“Semoga usaha kecil ini memberi manfaat besar kepada masyarakat dan menjadi satu kenangan manis buat anak-anak yang diraikan,” katanya.

Program Khitan Perdana yang diadakan di Dewan Purnama Desa Rabbana, Ayer Lanas itu melibatkan 113 kanak-kanak.

Program tersebut turut dimeriahkan dengan kehadiran ibu bapa serta penduduk setempat, sekali gus mencerminkan semangat kebersamaan dan keprihatinan dalam kalangan komuniti DUN Ayer Lanas.

KALA Sentral pemangkin ekonomi rakyat, perkukuh usahawan tempatan

Oleh: Syamimi Manah

KOTA BHARU, 28 Disember – Kelantan Authentic Lifestyle and Arts (KALA) Sentral terus berperanan sebagai pemangkin ekonomi rakyat apabila menyediakan platform strategik kepada usahawan kecil dan sederhana untuk memperkukuh ekosistem keusahawanan di peringkat akar umbi selari dengan aspirasi Kerajaan Negeri Kelantan.

Exco Pendidikan, Pengajian Tinggi, Teknologi Hijau, Digital dan Inovasi, YB Dato' Wan Roslan Wan Hamat berkata, inisiatif di bawah KALA Sentral yang diterajui oleh Perbadanan Kemajuan Iktisad Negeri Kelantan (PKINK) sejak 2015 telah membuka akses pasaran yang lebih luas kepada usahawan tempatan melalui pendekatan berfokus dan berperingkat.

Beliau berkata demikian ketika berucap pada Majlis Perasmian Penutup KALA Year End Festival 2025 yang berlangsung di Pusat Transformasi Bandar (UTC) Kota Bharu, hari ini.

Menurutnya, KALA yang kini menjadi trademark kepada program-program promosi dan keusahawanan negeri bukan sahaja mengetengahkan produk tempatan, malah memperkukuh asas ekonomi rakyat.

“Melalui pendekatan berfokus



dan berperingkat, KALA Sentral telah membuka ruang kepada usahawan kecil dan sederhana untuk menembusi pasaran yang lebih luas, sekali gus memperkukuh ekonomi rakyat di peringkat akar umbi,” katanya.

Dalam pada itu, beliau yang juga merupakan Pengerusi Pemandu KALA Sentral Sdn. Bhd. turut merakamkan ucapan tahniah dan penghargaan kepada KALA Sentral Sdn. Bhd. dengan kerjasama Hostcare Sdn. Bhd. serta semua pihak yang berganding bahu menjayakan penganjuran festival berkenaan yang berlangsung selama tiga hari bermula 26 hingga 28 Disember lalu.

Mengulas perkembangan operasi, beliau memaklumkan bahawa KALA Sentral kini beroperasi di lokasi baharu di tingkat bawah Bangunan UTC Kelantan yang leb-

ih strategik dan berpotensi tinggi selepas berpindah dari Bangunan Bazar Tengku Anis.

“Perpindahan ini dijangka menyediakan kemudahan ruang yang lebih kondusif, meningkatkan kualiti penganjuran serta menjaga pulangan ekonomi yang lebih mampan kepada usahawan tempatan,” jelasnya.

Sementara itu, Ketua Pegawai Eksekutif Kumpulan PKINK Dato' Sr. Zamri Ismail berkata, penganjuran KALA Year End Festival 2025 merupakan manifestasi komitmen PKINK dan rakan strategik dalam memacu pertumbuhan ekonomi setempat serta menjadikan sektor perniagaan, pelancongan dan gaya hidup sebagai pemangkin pembangunan negeri.

“Penganjuran festival ini menyediakan platform yang inklusif dengan menghimpunkan peniaga kecil

dan sederhana, pengusaha industri kreatif, penggiat makanan dan minuman serta komuniti setempat untuk mempamerkan produk, bakat dan potensi masing-masing kepada masyarakat umum,” katanya.

Beliau turut memaklumkan bahawa penganjuran festival berkenaan juga bertujuan mewar-warkan kepada orang ramai mengenai perpindahan operasi KALA Sentral Sdn. Bhd. ke Bangunan UTC Kelantan sejak Oktober 2024, bagi memastikan capaian perkhidmatan dan kemudahan yang lebih baik kepada pengunjung.

KALA Year End Festival 2025 yang berlangsung selama tiga hari itu dimeriahkan dengan pelbagai pengisian menarik termasuk jualan rahmah, jualan usahawan, persembahan artis tempatan, dikir barat, program derma darah serta cabutan bertuah.



Masyarakat India hargai keharmonian kaum di Kuala Krai

Oleh: Syamimi Manah

KUALA KRAI, 30 Disember – Keharmonian hidup berbilang kaum di Kuala Krai terus dizarhikan oleh penerima sumbangan Majlis Pemimpin Bersama Rakyat (Masyarakat India DUN Mengkebang).

Mereka meluahkan penghargaan terhadap sikap masyarakat majmuk Kelantan yang saling menghormati serta bantuan kebajikan yang diterima daripada kerajaan negeri, tanpa mengira bangsa dan agama.

Seorang penerima, Rukumani A/P Balaraman, 74, yang berasal dari Kuala Krai berkata bantuan kebajikan termasuk ketika bencana banjir sentiasa diterima.

“Bantuan banjir pon ada dapat. Setiap bulan Penghulu Jayakumar bagi beras, gula, minyak. Terima kasih banyak-banyak,” katanya ketika ditemubual, semalam.

Bagi Kotamah A/P Varathan, 71, yang telah menetap di Kuala Krai sepanjang hidupnya, suasana harmoni masyarakat berbilang kaum menjadi kekuatan utama komuniti setempat.

“Saya asal Kuala Krai. 71 tahun tinggal di sini. Orang di sini semua baik-baik. India, Melayu baik,” ujarnya.

Sementara itu, Subashini A/P Murugan, 32, mengakui beliau amat selesa menetap di Kelantan



dan merasai sendiri keharmonian hubungan antara kaum dalam kehidupan seharian.

“Saya ni memang orang Kelantan. Memang suka benar tinggal di Kelantan ni sebab suka berkawan dengan orang Melayu di sini. Tiada perbalahan, mudah berurusan semuanya,” ujarnya.

Tambahnya, suasana tersebut turut memberi kesan positif kepada anak-anak.

“Anak saya pun sekolah di SK Pasir Kelang, seorang sahaja India di situ dan berkawan dengan ramai orang Melayu. Anak saya umur 3 tahun tu dah pandai cara bersalam, makan budu sebab berkawan dengan orang Melayu,” katanya.

Beliau turut berkongsi pengalaman saling menziarahi dalam majlis perkahwinan antara kaum di DUN Mengkebang.

“Bila saya kahwin, orang Melayu datang rumah saya, bila ka-

wan-kawan Melayu kahwin saya pergi rumah dia,” ujarnya.

Selain itu, beliau memaklumkan kebebasan beribadah untuk masyarakat India di situ dapat dilaksanakan dengan baik.

“Tempat sembahyang kami pun setakat ini, kami boleh sembahyang dengan baik. Tiada masalah apa-apa. Terima kasih kepada YB, penghulu sebab sentiasa bagi sumbangan kepada kami,” katanya.

Seorang lagi penerima, Mohanadass A/L Thandaioo, 40, berkata bantuan kebajikan sentiasa disalurkan kepada penduduk tanpa mengira keadaan.

“40 tahun dah saya duduk di Kelantan. YB Zubir selalu masuk kampung saya bagi bantuan. Banjir sebelum ni pun bantuan sampai,” katanya.

Bagi Ravisanderan A/L Kannan, 60, kehidupan masyarakat India di Kelantan berjalan dengan

“

Setakat ni tiada masalah apa-apa orang India di Kelantan ni. Dapat makan nasi berlauk, nasi kerabu bersama-sama masyarakat di sini dengan baik,”

baik tanpa sebarang masalah.

“Setakat ni tiada masalah apa-apa orang India di Kelantan ni. Dapat makan nasi berlauk, nasi kerabu bersama-sama masyarakat di sini dengan baik,” jelasnya.

Beliau turut menghargai keprihatinan kerajaan negeri dalam menyalurkan bantuan.

“Bantuan raya, bantuan banjir sentiasa dapat dekat sini tanpa kira bangsa dan agama. Terima kasih kepada Kerajaan Negeri Kelantan,” ujarnya.

Sementara itu, Devi, 53, yang berasal dari Ladang Pasir Gajah, Kuala Krai, turut menyuarakan pandangan sama berhubung keharmonian kaum di negeri ini.

“Asal Ladang Pasir Gajah, Kuala Krai. Bagi masyarakat India di Kelantan, dari segi pergaulan bersama masyarakat Melayu, Cina memang aman damai tiada apa-apa masalah,” katanya.



Ketagihan dadah bukan soal miskin semata-mata

Oleh: Asri Hamat

KOTA DARULNAIM, 28 Disember - Tanggapan bahawa masalah ketagihan dadah hanya berlaku dalam kalangan golongan miskin disifatkan sebagai tidak tepat kerana hakikatnya individu berstatus ekonomi tinggi juga tidak terkecuali daripada terjebak dengan gejala itu.

Exco Belia, Sukan, NGO dan Perpaduan Masyarakat Kelantan, YB Zamakhshari Muhammad berkata, sejak sekian lama masyarakat sering dimomokkan dengan naratif bahawa kemiskinan menjadi punca utama seseorang terlibat dengan dadah.

“Naratif itu berulang lama, sampai kita hampir percaya ia satu-satunya sebab. Hakikatnya lebih rumit,” katanya menerusi satu hantaran di media sosial miliknya, Sabtu lalu.



Menurut beliau, terdapat pelbagai faktor lain yang mendorong seseorang terjerumus dalam ketagihan dadah, antaranya tekanan hidup, kesunyian, pengaruh persekitaran serta rasa ingin mencuba yang akhirnya membawa kepada ketagihan.

“Ada yang terjebak kerana tekanan hidup. Ada yang kerana

kesunyian. Ada yang kerana persekitaran. Ada juga yang bermula dengan rasa ingin mencuba, kemudian terperangkap,” katanya.

Beliau menegaskan bahawa status ekonomi bukanlah benteng mutlak untuk mengelakkan seseorang daripada terlibat dengan dadah.

“Duit boleh membuka akses, tetapi tidak menjamin kekuatan

jiwa,” ujarnya.

Jelas Zamakhshari, masalah dadah sebenarnya lebih berkait rapat dengan krisis makna hidup dan kawalan diri, bukannya semata-mata soal kemiskinan atau kesempitan hidup.

“Bila jiwa rapuh, siapa pun boleh rebah,” katanya.

Terdahulu, beliau bersama Timbalan Pengerusi Pengasih Kelantan, Azhar Abdul Rahman, mengadakan perbincangan berkaitan isu penyalahgunaan dadah dan usaha pemulihan penagih.

Katanya, Azhar merupakan antara individu yang aktif terlibat di lapangan dalam membantu mereka yang ingin berubah dan keluar daripada belenggu ketagihan.

“Apabila duduk berbincang dengan beliau, banyak input bahu yang diperoleh kerana beliau sememangnya orang yang berada di lapangan,” katanya.

Kelantan sambut pengunjung di LTSIP, tanda sedia terima 12 juta pelancong

Oleh: Syamimi Manah

KOTA BHARU, 1 Januari – Kelantan memulakan tirai tahun 2026 dengan acara sambutan di pintu-pintu masuk di seluruh negara dan di hab pegangkutan utama dengan menyambut ketibaan pengunjung di Lapangan Terbang Sultan Ismail Petra (LTSIP), hari ini.

Sambutan tersebut merupakan simbolik kesediaan Kerajaan Negeri menerima 12 juta pelancong sepanjang tahun ini, selari dengan pelaksanaan kempen Visit Malaysia 2026 (VM2026) di peringkat nasional.

Ketibaan pengunjung disambut oleh Exco Pelancongan, Kebudayaan, Kesenian dan Warisan YB Datuk Kamarudin Md Nor yang turut menyempurnakan penyampaian cenderahati dan risalah pelancongan Kelantan kepada penumpang penerbangan Malaysia Airlines dan Batik Air.

Menurut Datuk Kamarudin, sambutan tersebut menjadi permulaan rasmi bagi tahun 2026 dalam usaha memperkenalkan Kelantan kepada pengunjung dari dalam dan luar negara.



“Ini adalah permulaan tahun 2026 untuk kita menyambut ketibaan pengunjung dari luar ke Kota Bharu. Kerajaan Negeri bersama pihak lapangan terbang dan Tourism Malaysia mengadakan promosi Tahun Melawat Malaysia 2026 serta promosi melawat Kelantan,” katanya pada sidang media di LTSIP.

Beliau berkata, sambutan yang diterima amat menggalakkan dengan kehadiran penumpang terdiri daripada pelancong serta mereka yang pulang ke kampung halaman sempena cuti awal tahun.

“Alhamdulillah sambutan sangat baik. Penumpang yang tiba ada dalam kalangan pelancong dan ada juga yang pulang ke kampung halaman. Saya lihat mereka menerima cenderahati yang diberikan dengan

baik dan gembira dengan sambutan ini,” katanya.

Dalam pada itu, beliau memaklumkan sasaran pengunjung ke Kelantan bagi tahun 2026 ditetapkan sebanyak 12 juta orang, melibatkan ketibaan melalui penerbangan domestik dan antarabangsa.

Menurutnya, Kerajaan Negeri bertekad untuk memperluaskan kemasukan pelancong antarabangsa ke Kelantan melalui beberapa pintu masuk utama.

“Bagi tahun 2026, kita bertekad untuk meluaskan kemasukan pelancong antarabangsa ke Kelantan melalui pintu masuk utama iaitu Kota Bharu, Thailand, Gua Musang dan Pasir Puteh,” jelasnya.

Mengulas prestasi pelancongan sebelum ini, Datuk Kamarudin berkata statistik rasmi bagi tahun 2025



masih menunggu pengesahan daripada Jabatan Perangkaan Malaysia (DOSM) yang lazimnya diumumkan sekitar Julai.

“Bagi anggaran tahun 2025, kita jangkakan sekitar 11 juta pelancong. Manakala bagi tahun 2024, rekod DOSM menunjukkan seramai 10.54 juta pelancong telah berkunjung ke Kelantan,” ujarnya.

Acara berkenaan turut dihadiri pemain industri pelancongan termasuk para pegawai Pusat Penerangan Pelancongan Negeri Kelantan (TIC), Pejabat MOTAC Negeri Kelantan, Jabatan Kebudayaan dan Kesenian Negara Kelantan (JKKN) serta Malaysian Association of Hotels Kelantan Chapter (MAH Kelantan Chapter).

Anak muda Kelantan berselawat sambut ambang tahun baharu 2026

Oleh: Asri Hamat

KOTA BHARU, 1 Januari - Anak muda di Kelantan memilih pendekatan berbeza dalam menyambut ambang tahun baharu 2026 apabila mengisinya dengan program keagamaan melalui majlis selawat dan ilmu, sebagaimana saranan agama.

Menteri Besar YAB Dato' Panglima Perang Ustaz Dato' Mohd Nassuruddin Daud berkata amalan berselawat adalah perintah Allah SWT, bahkan Allah SWT dan para malaikat sendiri berselawat ke atas Rasulullah SAW.

Katanya, setiap selawat yang diucapkan kepada Rasulullah SAW akan dibalas dengan sepuluh selawat daripada Allah SWT, yang membawa maksud turunya rahmat kepada hamba-Nya.

"Negeri Kelantan menyambut tahun baharu dengan cara yang dianjurkan Islam, iaitu berselawat dan majlis ilmu. Ini adalah amalan yang sangat besar ganjarannya di sisi Allah SWT," katanya.

Beliau berkata demikian ketika berucap merasmikan Majlis Sambutan Ambang Tahun Baharu 2026: Anak Muda Kelantan Berselawat di Dataran Warisan Stadium Sultan Muhammad IV, di sini, malam tadi.



Katanya lagi, program berkenaan merupakan program yang baik dan bermakna dalam memberi pengisian rohani kepada masyarakat khususnya golongan muda.

"Kita isi sambutan ini dengan selawat dan majlis ilmu yang disampaikan oleh Habib Ali Zeinal Abidin al-Hamid. Nilai sebenar dalam diri manusia ialah iman yang dikurniakan Allah SWT kepada hamba yang dikasihi-Nya," jelasnya.

Dalam pada itu, beliau menyeru masyarakat agar menjadikan permulaan tahun baharu sebagai ruang bermuhasabah diri sebelum dihisab di hadapan Allah SWT.

"Kita perlu menyemak sejauh mana amalan yang kita buat itu

amalan yang bermanfaat berbanding dengan amalan yang tidak bermanfaat. Ini kerana tanda kecemerlangan seorang Muslim ialah meninggalkan perkara yang tidak berfaedah," ujarnya.

Sementara itu, Exco Belia, Sukan, NGO dan Perpaduan Masyarakat YB Zamakhshari Muhammad pula menegaskan bahawa anak muda Kelantan memilih cara sambutan tahun baharu dengan cahaya iman dan berselawat kepada Rasulullah SAW.

"Pada malam ini kita bersama anak-anak muda menyambut tahun baharu bukan dengan kelalaian tetapi dengan penuh kesedaran. Beruntunglah anak muda yang memilih

“Negeri Kelantan menyambut tahun baharu dengan cara yang dianjurkan Islam, iaitu berselawat dan majlis ilmu. Ini adalah amalan yang sangat besar ganjarannya di sisi Allah SWT,”

jalan iman yang menjadikan agama sebagai kompas hidupnya.

"Anak-anak muda bukan sahaja sekadar pewaris masa hadapan tetapi juga penentu masa depan Kelantan," katanya.

Majlis itu turut dihadiri Timbalan Menteri Besar Kelantan YB Dato' Dr Mohamed Fadzli Hassan, Pengerusi Yayasan ar-Riyah Habib Ali Zainal Abidin, Ahli-Ahli Majlis Mesyuarat Kerajaan Negeri, Ahli Dewan Negeri, Ketua Polis Kelantan YDH CP Dato' Mohd Yusoff Mamat, Penasihat Kesatuan Pondok Kelantan Syeikh Wazir Awang serta Pengarah Urus Setia Belia dan Sukan Kelantan (U-BeS) Mohamad Kamal Mohamed.



Rakyat Kelantan teruja mohon lesen mendulang emas

Oleh: Syamimi Manah

KOTA DARULNAIM, 1 Januari – Sambutan rakyat Kelantan terhadap peluang mendulang emas menunjukkan keterujaan dan minat yang menggalakkan hari ini apabila ramai hadir ke Pejabat Tanah dan Galian Negeri Kelantan (PTG), Kota Darulnaim untuk mengambil borang permohonan lesen mendulang emas.

Langkah itu susulan kenyataan Timbalan Menteri Besar Kelantan YB Dato' Dr Mohamed Fadzli Hassan pada 31 Disember 2025, bahawa rakyat Kelantan yang berminat untuk mendulang emas boleh mengemukakan permohonan lesen bermula 1 Januari 2026.

Ahmad Fauzan Mohd Zain, 48, pemilik Teney Glamping di Jeli, berkata beliau ingin mencuba aktiviti mendulang emas walaupun tidak mempunyai pengalaman luas dalam bidang tersebut.

“Saya tiada pengalaman men-



dulang emas cuma ada sedikit ilmu tentang emas. Saya nak cuba buat kerana saya ada buka glamping di kawasan itu jadi saya berkesempatan untuk cuba,” katanya ketika ditemu bual, hari ini.

Tambahnya, ramai pelanggannya meminta supaya aktiviti itu dianjurkan khusus kerana tidak semua orang mempunyai ilmu tentang mendulang emas.

Ahmad Fauzan turut berharap kerajaan dapat mengeluarkan ka-

wasan-kawasan yang digazetkan dan menjelaskan sama ada ia melibatkan kawasan persendirian atau hanya sungai-sungai tertentu.

Mohd Yusof Hanan, 53, penduduk Sungai Pinang, Tumpat pula berkongsi keterujaannya untuk mencuba aktiviti baharu ini.

“Saya tidak biasa lagi mendulang emas, tapi teruja lah. Peralatan tu ada dah. Sebelum ni saya ada pergi tengok-tengok sahaja tempat-tempat, tetapi tidak boleh



mendulang lagi sebab tiada lesen,” katanya.

Mohd Yusof yang bekerja sebagai tukang emas selama empat hingga lima tahun melihat peluang lesen mendulang emas sebagai satu cara untuk menambah pengalaman dan pendapatan.

Bagi Khalil Abdullah, 42, dari Tanah Merah, peluang ini dilihat sebagai satu usaha kerajaan untuk membantu pembangunan ekonomi penduduk kampung.

Khatan Perdana DUN Tanjong Mas himpunkan 130 peserta, kehadiran cecah 500 orang



Oleh: Syamimi Manah

KOTA BHARU, 28 Disember – Program Khatan Perdana Dewan Undangan Negeri (DUN) Tanjong Mas tahun ini meriah dengan penyertaan seramai 130 kanak-kanak, sekali gus menghimpunkan kira-kira 500 orang termasuk ibu bapa dan ahli keluarga, bertempat di Maahad Pengajian Islam (MPI), Kota Bharu, pada Khamis.

Ahli Dewan Negeri (ADN) Tanjong Mas YB Dato' Rohani Ibrahim berkata, sambutan luar biasa

itu jelas mencerminkan sokongan padu masyarakat terhadap program kemasyarakatan yang berteraskan kebajikan dan tradisi.

“Alhamdulillah, Khatan Perdana DUN Tanjong Mas tahun ini lebih meriah. Seramai 130 anak-anak menyertai program khatan kali ini, manakala perarakan yang diadakan bersama ibu bapa dan anak-anak menjadikan jumlah kehadiran mencecah kira-kira 500 orang,” di laman media sosial rasminya pada Jumaat.

Menurutnya, program berkenaan

dimulakan dengan acara suapan pulut kuning sebagai simbol adat Melayu yang sarat dengan nilai budaya dan doa.

“Tradisi ini masih dikekalkan sebagai penguat semangat serta doa agar anak-anak yang berkhatan membesar dengan sihat dan berani. Bagi sebahagian ibu bapa, detik ini turut mengimbuai kenangan lama ketika melalui pengalaman yang sama suatu ketika dahulu,” ujarnya.

Tambahnya, acara mandi menggunakan air bomba menjadi antara aktiviti yang paling dinanti-nantikan oleh para peserta.

“Mandi dengan air bomba adalah acara yang ditunggu-tunggu. Suasana menjadi ceria apabila anak-anak seronok bermain air sambil disaksikan ahli keluarga masing-masing,” jelasnya.

Dalam ucapannya, beliau yang mesra disapa Kak Ani turut menipkan doa dan harapan buat semua peserta khatan.

“Kak Ani doakan agar anak-anak semua membesar dengan sihat dan gagah perkasa. Insya-Allah, menjadi lelaki qawwam yang mampu memimpin dan bertanggungjawab,” katanya.





Anak muda Kelantan berselawat sambut ambang tahun baharu 2026

Kuala Krai tumpuan sukan permotoran ekstrem negara

Oleh: Syamimi Manah

KUALA KRAI, 29 Disember – Jajahan Kuala Krai terus menjadi lokasi pilihan penganjuran acara sukan permotoran ekstrem negara apabila menjadi lokasi Flag Off pelepasan peserta Malaysia Adventure Trophy (MAT) Kelantan 2025 yang berlangsung di Taman Chintawanga, semalam.

Exco Kerajaan Tempatan, Perumahan, Kesihatan dan Alam Sekitar YB Hilmi Abdullah berkata, beliau bersama para peminat sukan permotoran ekstrem turun menyambut ketibaan peserta sebelum membuat pelepasan rasmi ke FMC Kelah dan Lata Y untuk meneruskan program seterusnya.

“Saya bersama-sama para peminat sukan permotoran ekstrem turun ke Taman Chintawanga untuk menyambut ketibaan peserta-peserta Malaysia Adventure Trophy (MAT) Kelantan 2025 sebelum membuat Flag Off pelepasan ke FMC Kelah dan Lata Y,” katanya menerusi laman rasmi, semalam.

Menurutnya, sebanyak 200 peserta merangkumi pemandu, kru sokongan serta pencinta aktiviti off-



road dari seluruh negara menyertai acara tersebut yang bermula pada 24 Disember 2025 di Gua Musang dan dijadual berakhir pada 1 Januari 2026.

Katanya lagi, pada 31 Disember, para peserta akan bermalam di Istana Sangkut, Manek Urai, selepas berkampung di Gua Ikan, Dabong dan seterusnya singgah di Bandar Kuala Krai.

Sepanjang laluan, peserta berentap dalam tiga kategori iaitu Adventure, Trophy dan Open yang menguji ketahanan fizikal, kemahiran teknikal pemanduan, navigasi serta kerjasama pasukan ketika meredah laluan hutan tebal, sungai deras dan permukaan berbatu.

YB Hilmi yang juga Ahli Dewan Negeri (ADN) Guchil berkata,

penganjuran itu bukan sahaja mengangkat nama Kuala Krai khususnya dan Kelantan amnya sebagai antara destinasi off-road terbaik negara, bahkan menjadi pemangkin ekonomi baharu terutama kepada komuniti luar bandar melalui kehadiran peserta dari seluruh negara.

Mengulas rekod penganjuran terdahulu, beliau memaklumkan Kuala Krai telah berjaya menganjurkan Kuala Krai 4x4 Off Road Challenge pada Mei lalu yang menerima liputan meluas dan dirancang sebagai acara tahunan.

“Insya Allah, pada tahun 2026 pihak Malaysia Adventure Trophy berhasrat menganjurkan acara ini di Kuala Krai untuk peringkat ASEAN pula,” bujarnya.



Beliau turut menegaskan, penganjuran sukan ekstrem seperti ini membuka ruang kepada penglibatan belia, merancakkan ekonomi domestik serta menjadi medium promosi antarabangsa Kuala Krai sebagai pusat aktiviti lasak, sekali gus memberi manfaat kepada pengusaha homestay, penginapan, servis kenderaan, makanan tradisional dan usahawan kecil dan sederhana.

YB Hilmi merakamkan penghargaan dan tahniah kepada Thomas Foo dan pasukan Malaysia Adventure Team, Barracuda Krai, Lacar Group, Task Force Kuala Krai serta semua penyokong, kru dan ahli jawatankuasa penganjur atas kejayaan penganjuran acara berprestij tersebut.


Stok Dirham habis terjual, KGT tangguhkan sementara transaksi pembelian

Oleh: Asri Hamat

KOTA BHARU, 29 Disember – Stok Dirham Kelantan Gold Trade (KGT) yang merangkumi Dirham Fizikal, e-Dirham serta jualan di seluruh cawangan habis terjual sepenuhnya berikutan sambutan menggalakkan daripada orang ramai.

KGT dalam satu kenyataan di laman sosial pada Ahad menyatakan, susulan kehabisan stok tersebut, semua transaksi pembelian Dirham di ibu pejabat (HQ), cawangan KGT BizPoint serta menerusi platform EDND tidak dapat dilakukan buat sementara waktu sehingga dimaklumkan kelak.

Kata kenyataan tersebut, mak-



luman berkaitan kemasukan stok baharu akan diumumkan dari semasa ke semasa melalui saluran rasmi syarikat bagi memastikan pelanggan menerima maklumat yang sah dan terkini.

“Permintaan yang amat menggalakkan ini mencerminkan peningkatan keyakinan masyarakat



terhadap Dirham sebagai alternatif simpanan dan transaksi yang patuh syariah, selamat serta telus,” menurut kenyataan tersebut.

KGT turut merakamkan setinggi-tinggi penghargaan dan terima kasih kepada seluruh pelanggan atas kepercayaan serta sokongan berterusan yang diberikan terhadap pro-

duk Dirham.

“Terima kasih atas kepercayaan dan sokongan anda,” katanya.

Orang ramai dinasihatkan untuk mengikuti saluran rasmi KGT bagi mendapatkan perkembangan terkini berhubung status stok dan urusan pembelian pada masa akan datang.